



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (92)

SIARAN MEDIA

TEKNOLOGI BIOFLOK PERKUKUH TERNAKAN TILAPIA, OPTIMUM PENGUNAAN TANAH DAN AIR

KLANG, 18 Ogos 2026 – Penggunaan teknologi bioflok dalam ternakan ikan tilapia membuka ruang kepada pengeluaran yang lebih intensif dengan penggunaan tanah dan air yang lebih optimum, khususnya bagi pengusaha yang berdepan kekangan ruang.

Pendekatan berkenaan diterapkan dalam Projek Ternakan Ikan Tilapia Menggunakan Sistem Bioflok ARC Berkat di Klang yang menerima sokongan dana kerajaan menerusi Program Pemerkasaan Agromakanan Negara (PPAN), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Mohamad Sabu, hari ini.

Sokongan tersebut bertujuan membantu memperkukuh kapasiti pengeluaran agromakanan, meningkatkan produktiviti serta menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam sektor akuakultur.

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Mohamad Sabu berkata tilapia mempunyai potensi besar untuk terus dibangunkan sebagai sumber protein penting kepada rakyat, selain menyediakan peluang ekonomi dan pendapatan kepada pengusaha akuakultur.

“Tilapia ini boleh kita ibaratkan sebagai ayam akuakultur. Ia mempunyai permintaan yang baik dan boleh menjadi sumber protein penting kepada rakyat. Sebab itu kita mahu industri ini terus diperkasa secara moden, produktif dan mampan,” ujarnya.

Menurut data Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), seramai 4,400 penternak tilapia direkodkan pada 2025, manakala sehingga Julai 2026 seramai 4,399 penternak terlibat dalam aktiviti ternakan ikan berkenaan.

Pada 2025, pengeluaran tilapia negara direkodkan sebanyak 28,555.94 tan metrik (MT) bernilai RM343.47 juta, manakala bagi tempoh Januari hingga Julai 2026, pengeluaran mencapai 9,436.25 MT bernilai RM108.83 juta, tidak termasuk Sabah dan Sarawak.

Angka tersebut menunjukkan tilapia mempunyai peranan penting dalam sektor akuakultur negara dan berpotensi terus menyumbang kepada bekalan protein serta keterjaminan makanan negara.


Sementara itu, Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Adnan bin Hussain berkata, sistem bioflok berpotensi meningkatkan kecekapan pengeluaran akuakultur melalui penggunaan tanah dan air yang lebih efisien.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



0074



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900

PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

“Bioflok membantu mengoptimumkan penggunaan tanah dan air, terutama di kawasan yang mempunyai kekangan ruang. Namun, pengurusan kualiti air, oksigen terlarut, pemakanan, kesihatan ikan dan biosekuriti perlu diberi perhatian bagi memastikan sistem ini dapat beroperasi dengan baik,” katanya.

Menurut data DOF, Selangor merekodkan pengeluaran tertinggi menerusi sistem bioflok pada 2025 sebanyak 1,423 MT bernilai kira-kira RM14 juta, diikuti Kedah sebanyak 35 MT bernilai kira-kira RM350,000 dan Melaka sebanyak 10 MT bernilai kira-kira RM100,000.

Dari segi bilangan penternak pula, Kedah mencatat jumlah tertinggi dengan 26 penternak, diikuti Terengganu 19 orang dan Pahang 10 orang. Kira-kira 99 peratus penggunaan sistem bioflok adalah bagi ternakan tilapia, manakala selebihnya digunakan bagi ternakan udang marin.

Data tersebut menunjukkan tilapia merupakan pengguna utama sistem bioflok dan teknologi berkenaan mempunyai potensi untuk terus dikembangkan bagi meningkatkan produktiviti akuakultur dengan penggunaan tanah dan air yang lebih efisien.

Dalam pada itu, pembangunan ternakan tilapia perlu dilaksanakan secara terkawal kerana spesies tersebut merupakan ikan asing yang boleh memberi kesan kepada ekosistem dan spesies ikan asli sekiranya dilepaskan ke perairan umum

Penternak dan orang ramai diingatkan supaya tidak melepaskan ikan tilapia ke sungai, tasik, empangan atau mana-mana perairan umum bagi mengelakkan kesan terhadap biodiversiti dan sumber perikanan asli negara.

Penggunaan teknologi moden turut perlu disokong dengan amalan pengeluaran yang baik, termasuk pensijilan myGAP, bagi memastikan hasil akuakultur yang dihasilkan berkualiti dan selamat untuk pengguna.

Penternak juga disaran memberi perhatian terhadap pengurusan kualiti air, khususnya ketika keadaan cuaca panas, kerana peningkatan suhu air boleh menyebabkan kandungan oksigen terlarut menurun dan memberi tekanan kepada ikan.

Kerajaan melalui DOF akan terus menyediakan sokongan dari segi benih berkualiti, input, peralatan, teknologi dan khidmat teknikal bagi membantu pengusaha meningkatkan produktiviti serta daya saing.

Penggunaan teknologi seperti bioflok juga berpotensi menarik golongan muda menceburi bidang akuakultur sebagai bidang keusahawanan moden berasaskan teknologi dan inovasi, di samping menyumbang kepada keterjaminan makanan negara.

- TAMAT -

Pautan gambar :

<https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1VTwdFAlnpgFGE7xq2l1vuBX9TBhpiKhX>

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my